

TARIKH	15 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	23	RUANGAN	Nasional

## 100 ahli TaHa terima anugerah

» Pelajar cemerlang dapat wang tunai, trofi dan sijil

Oleh Mohd Azrone Sarabatin  
azrone@bharian.com.my

¶ Petaling Jaya

Seramai 100 ahli Kelab Tabung Haji (TaHa) menerima Anugerah Cemerlang Kelab TaHa-BH 2011 di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, di sini semalam.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail, berkata daripada jumlah itu, 50 cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), 30 bagi Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan 20 lagi pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Bagi kategori UPSR, setiap pelajar menerima RM200, PMR (RM400) dan SPM (RM500) dimasukkan ke akaun Tabung Haji mereka, selain trofi dan sijil. Tahun lalu, 500 pelajar memohon

anugerah berkenaan, tetapi hanya 100 menerimanya berdasarkan keputusan cemerlang 5A untuk UPSR, PMR (8A) dan SPM (9A) serta slogan menarik.

Majlis turut dihadiri Pengarang Pendidikan BH, Muham Yusuf Abi Bakar dimeriahkan persembahan pengucapan berlima dalam bahasa Arab oleh 20 pelajar Sekolah Rendah Agama Bandar Malawati, Kuala Selangor, diikuti Nur Syahirah Mohd Nasir, 12, di bawah bimbingan Muzlina Muzadar dan Zakiah Anom Shafiee.

Ismee berkata, sejak ditubuhkan pada 2008, Kelab TaHa turut menganjurkan pelbagai program kecemerlangan akademik untuk ahlinya seperti Kem Bijak TaHa-BH, kini mempunyai lebih sejuta ahli di seluruh negara termasuk 435 ahli yang menerima

anugerah cemerlang terbabit. Antara penerima anugerah adalah dua beradik, pelajar Sekolah Berasrama Penuh Integrasi (SBPI) Rawang, Selangor, Nur Adila Azman, 16, dan Aisyah Amalin, 13, bekas murid Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Marong di Bentong, Pahang, untuk kategori PMR dan UPSR.

### INFO

#### Anugerah Cemerlang Kelab TaHa-BH 2011

- 500 permohonan diterima dari seluruh negara
- 100 permohonan diluluskan berdasarkan kecemerlangan



Ismee Ismail bersama pelajar di Majlis Anugerah Kecemerlangan Kelab TaHa 2011 di Tabung Haji Kelana Jaya semalam.

(Foto: HASRIYAH SAMUDIN/BH)